




Aishah Salleh,
Peserta

Gubahan bunga pahar songket direka dengan kreativiti tersendiri ternyata mudah untuk dipelajari



Nur Azlina Abu Bakar,
Peserta

Program seperti ini membantu saya untuk memberikan nilai tambah terhadap kemahiran kraf tangan sudah ada



Thaliya Busu,
Peserta

Kemahiran ini boleh dijadikan warisan untuk diwarisi generasi akan datang



Bunga pahar kain songket.

Siti Azizah (kiri) bersama peserta kelas bunga telur dan pahar kain songket di UTC Pudu Sentral, baru-baru ini.

Jana pendapatan gubah bunga pahar

Kelas kemahiran seni tangan anjuran JPW, butik pengantin beri manfaat kepada wanita

Oleh Fatim Hafizah Mohd Shahr
fatim@bh.com.my

Kuala Lumpur

Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dengan kerjasama Kedai Pengantin Nana Nasri Creation mengadakan kelas gubahan bunga pahar bagi menggalakkan lebih ramai wanita menceburi bidang kemahiran seni tangan.

Wanita boleh melakukan kerja kemahiran itu secara berkumpulan untuk memberi manfaat kepada golongan itu.

Tenaga pengajar dari Kedai Pengantin Nana Nasri Creation, Siti Azizah Syed Musa, berkata program komuniti diketengahkan ber-

sama JPW itu turut memberikan peluang menjana pendapatan pada wanita dengan melakukannya dari rumah.

Pelajari teknik seni tangan secara komprehensif

Katanya, kelas gubahan bunga pahar disertai lebih 20 peserta itu membolehkan wanita mempelajari teknik seni tangan secara komprehensif sebelum menawarkan perkhidmatan menerima tempahan gubahan hantaran perkahwinan.

"Gubahan bunga pahar adalah elemen penting untuk majlis perkahwinan dengan mempamerkan kreativiti tersendiri.

"Program komuniti ini menggalakkan wanita mengambil inisiatif bekerja secara berkumpulan untuk memberikan perkhidmatan gubahan kreatif dan pantas," katanya selepas kelas kemahiran gubahan bunga pahar songket, di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Pudu Sentral, baru-baru ini.

Siti Azizah berkata, program itu turut menawarkan kadar yuran serendah RM50 berbanding di luar yang mencecah ratusan ringgit, sekali gus membolehkan wa-

nita mempelajari asas konsep gubahan lebih produktif mengikut permintaan pasaran semasa.

"Program komuniti ini menyediakan penggunaan bahan asas secara percuma selain menggunakan pendekatan pengajaran lebih intensif.

"Kelas ini membuka peluang kepada wanita untuk mempelajari teknik perniagaan berkoneksikan dari rumah dengan cara mengun- tungkan," katanya.

Kreativiti sendiri

Peserta, Aishah Salleh, 60, berkata gubahan bunga pahar songket direka dengan kreativiti tersendiri ternyata mudah untuk dipelajari.

"Dengan menggunakan bahan terkini di pasaran dan mudah didapati, modal diperlukan untuk penggunaan bahan asasnya ber- pautan.

"Hanya bermodalkan kurang RM15 bergantung kepada corak atau reka bentuk gubahan ia boleh menjadi gubahan yang amat menarik, sekali gus dapat mem- berikan pulangan lumayan," ka- tanya.

Peserta, Nur Azlina Abu Bakar, 44, yang cacat penglihatan, ber-

Info

Program komuniti teknik gubahan

- > Menggunakan kain songket diketengahkan oleh JPW bersama Kedai Pengantin Nana Nasri Creation
- > Dihadiri 23 peserta
- > Yuran serendah RM50
- > Bahan-bahan disediakan
- > Bermula jam 9 pagi hingga 3 petang
- > Program kemahiran untuk menjana pendapatan dari rumah
- > Menggalakkan landasan perkhidmatan kemahiran tangan secara berkumpulan

kata peluang menyertai program komuniti seperti itu dimanfaatkan sebaiknya memandangkan ia boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan bagi individu cacat sepertinya.

Bunga pahar lebih kontemporari

"Gubahan bunga pahar ini lebih ringkas dan mudah dipelajari kerana ia tidak membabitkan sebarang teknik jahitan yang sukar untuk saya kendalikan.

"Program seperti ini juga membantu saya untuk memberikan nilai tambah terhadap kemahiran kraf tangan sudah ada," katanya.

Peserta, Thaliya Busu, 64, berkata program itu menekankan penggunaan fabrik songket sebagai bahan utama gubahan ternyata dapat menghidupkan kembali nilai warisan kian dilupakan generasi muda.

"Kelas ini mengajar peserta melakukan beberapa ubah suai bunga pahar untuk menjadikannya lebih kontemporari tanpa mengubah ciri keasliannya.

"Kemahiran ini juga boleh di jadikan sebagai warisan untuk di warisi oleh generasi akan datang katanya.